



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 26/1977**

**Penyenggaraan Indeks Pejabat Tanah Bagi Tanah-tanah Yang Telah
Diperenggankan Oleh Penolong Pegawai Tanah
(Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 26/1977**

**Penyenggaraan Indeks Pejabat Tanah Bagi Tanah-tanah Yang Telah Diperenggankan
Oleh Penolong Pegawai Tanah (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pentadbir Tanah mengenai keperluan untuk menyelenggara satu rekod nombor-nombor plot tanah yang digunakan oleh Penolong Pegawai Tanah untuk menunjukkan kawasan-kawasan tanah yang telah diperenggankan oleh mereka bagi tujuan mengeluarkan hakmilik sementara hasil daripada pemberimilikan, pecah sempadan, pecah bahagian, percantuman, pengeluaran lesen pendudukan sementara dan pengeluaran perakuan lombong.

2. Penting ditentukan supaya satu nombor plot Pejabat Tanah ditetapkan bagi tiap-tiap plot tanah yang telah diperenggankan untuk mana-mana satu daripada tujuan berikut:-

- (a) pengeluaran hakmilik sementara untuk pemberian milik, pecah sempadan, pecah bahagian dan percantuman;
- (b) pengeluaran lesen pendudukan sementara dengan menggunakan Borang 4A atau Borang 4B Kanun Tanah Negara;
- (c) pengeluaran perakuan lombong.

3. Indeks Pejabat Tanah ini hendaklah diselenggarakan seperti di **Lampiran 'A'**. Tiap-tiap mukim, bandar dan pekan hendaklah diperuntukkan satu indeks berasingan dan catatan di dalamnya hendaklah dibuat mengikut nombor siri.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

INDEKS PEJABAT TANAH

Bandar/Pekan/Mukim

Nombor Pejabat Tanah	Nombor Lembaran Piawaian	Nombor Fail/No. Permohonan	Nama Pemohon	Jenis Pemohon	Luas	No. P.U. (Tidak terpakai bagi L.T.S)	Nombor Lot Muktamad	Hal-hal lain (No. H.S., P.L., L.T.S., No. Hakmilik asal dalam hal pecah sempadan, pecah bahagian atau percantuman)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)